



## KERAJAAN NEGERI KELANTAN IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. 1. (a) JAWATAN : **PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**  
(b) KLASIFIKASI : **PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT**  
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**  
  
Gred F41 P1 T1 RM1899.01 - P1 T25 RM4715.47  
P2 T1 RM1995.02 - P2 T25 RM4988.08  
P3 T1 RM2095.21 - P3 T25 RM5284.57
  
2. SYARAT LANTIKAN (a) (i) Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T1 ); atau  
(ii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T3 ); atau  
(iii) Ijazah sarjana dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T6 ); atau  
(iv) Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
( Gaji permulaan ialah pada Gred F41 : P1T9);  
dan (b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  
- 3 SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Teknologi maklumat adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan kejawatan Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatn dan:-  
(a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (a) diatas.

NO. FAIL : SPN.KN : 8961 / (21)

2. 1. (a) JAWATAN : **PEMBANTU VETERINAR**  
 (b) KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERTANIAN  
 (c) KUMPULAN PERKHIDMTAN : SOKONGAN

Gred G17	P1 T1 RM824.91	-	P1 T24 RM2155.88
	P2 T1 RM876.34	-	P2 T24 RM2277.03
	P3 T1 RM929.28	-	P3 T24 RM2402.48

2. SYARAT LANTIKAN (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan .  
 (Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T1); atau  
 (ii) Sijil Veterinar daripada Institut Haiwan Kluang, Jabatan Perkhidmatan Haiwan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
 (Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8).  
 dan (b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau Kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

NO. FAIL : SPN . KN : 65/1/(107)

3. 1. (a) JAWATAN : **RENJER HUTAN**  
 (b) KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERTANIAN  
 (c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

Gred G17	P1 T1 RM824.91	-	P1 T24 RM2155.88
	P2 T1 RM876.34	-	P2 T24 RM2277.03
	P3 T1 RM929.28	-	P3 T24 RM2402.48

2. SYARAT LANTIKAN (a) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada institut latihan perhutanan kerajaan yang diiktiraf oleh kerajaan.  
 (Gaji permulaan ialah pada Gred G17 : P1T4); atau  
 (ii) Sijil Perhutanan Renjer Hutan daripada Jabatan perhutanan Semenanjung Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  
 (Gaji permulaan ialah pada Gred G17 : P1T8).  
 dan (b) Lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

3 SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN

- Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pengawas Hutan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Renjer Hutan Gred G17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatn dan:-  
 (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2 (a) di atas; atau  
 (ii) lulus Peperiksaan Khas

NO. FAIL : SPN.KN:71/JLD.2/(88)

4. 1. (a) JAWATAN : **OPERATOR MESIN PROSESAN DATA**  
 (b) KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT  
 (c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
- Gred F11 P1 T1 RM740.62 - P1 T21 RM1714.26  
 P2 T1 RM783.09 - P2 T21 RM1802.40  
 P3 T1 RM827.19 - P3 T21 RM1892.17
2. SYARAT LANTIKAN (a) Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta kepujian dalam subjek Matematik pada peringkat peperiksaan tersebut:
- dan (b) Kejujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah / Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
3. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan kejawatan Operetor Mesin Prosesan Data Gred F11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (a) di atas; atau  
 (ii) Lulus Peperiksaan Khas.

NO. FAIL : SPN.KN: 59/1/(82)

5. 1. (a) JAWATAN : **PEMBANTU TADBIR RENDAH (JURUTAIP)**  
 (b) KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN  
 (c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
- Gred N11 P1 T1 RM709.59 - P1 T22 RM1750.21  
 P2 T1 RM752.06 - P2 T22 RM1839.98  
 P3 T1 RM796.16 - P3 T22 RM1931.38
2. SYARAT LANTIKAN (a) (i) Berpelajaran di peringkat sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) Mempunyai kelayakan di perenggan 2 (a) (i) di atas dan Lulus Ujian Menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di bawah; atau
- (iii) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N11:P1T2); atau
- (iv) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan dengan kepujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat peperiksaan tersebut atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di bawah.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred N11: P1T2).

3 SYARAT KENAIKAN PANGKAT  
SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Pejabat, Bentara Parlimen, Pengawas Pemulihan, Penghantar Notis, Penyelamat dan Penyelia Jeti adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan kejawatan Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 2 (a) di atas; atau
- (ii) lulus Peperiksaan Khas; atau
- (iii) lulus Peperiksaan Khas dan lulus ujian menaip seperti yang dinyatakan di perenggan 4 di bawah.

4 UJIAN MASUK

- (a) Calon di perenggan 2 (a) (ii), (iv) dan 3 (a) (iii) dikehendaki mengambil satu ujian menaip dan lulus dengan mencapai kederasan paling rendah 25 p.s.m daripada naskah bertulis yang jelas dan 30 p.s.m daripada naskah bercetak atau bertaip. Kesilapan mestilah tidak melebihi 4%.
- (b) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan mendapat kelulusan taip-menaip dalam kedua-dua fasa :-
  - (i) Sijil Kecekapan; dan
  - (ii) Sijil Ujian Laju pada peringkat pertengahan atau peringkat tinggi boleh dikecualikan daripada ujian menaip yang disyaratkan di perenggan 4 (a).
- (c) Calon yang memiliki Sijil Perdagangan Malaysia dengan kelulusan peringkat pertengahan adalah layak dilantik atas Gred N11: P1T4 dan peringkat tinggi atas Gred N11: P1T6.

NO. FAIL : SPN.KN:50/JLD.8/(32)

6. 1. (a) JAWATAN : **TUKANG K3**  
(b) KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN MAHIR/SEPARUH MAHIR/TIDAK MAHIR  
(c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN

Gred R9 P1 T1 RM721.02 - P1 T21 RM1626.04  
P2 T1 RM763.49 - P2 T21 RM1709.28  
P3 T1 RM807.59 - P3 T21 RM1794.23

2. SYARAT LANTIKAN

- (a) (i) Tamat Tingkatan III Sekolah Menengah Rendah Bantuan Penuh Kerajaan; atau
- (ii) Pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Awam, Pekerja Awam Khas, Pemandu Kenderaan, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggal yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (b) (i) Mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) Lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh Ketua Perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R9:P1T2);

- dan (c) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

NO. FAIL : SPN.KN:3107/1/(46)

**B. CARA MEMOHON DAN TARIKH TUTUP :**

Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang SPN KN. 1 yang boleh didapati di pejabat ini dengan harga RM1.00. Sila hantarkan permohonan anda ke alamat berikut :-

SETIAUSAHA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI  
KELANTAN  
TINGKAT BAWAH, BLOK 6 KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU.

Sebelum atau pada : **28 FEBRUARI 2008.**

**C. UMUR :**

1. Calon-calon lantikan terus tidak kurang dari 18 tahun.
2. Pegawai yang sedang berkhidmat hendaklah kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**D. AM :**

1. Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat hendaklah mengemukakan borang permohonan mereka melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perenggan 17, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 dan pastikan dihantar bersama dengan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi 2007. Borang permohonan yang dikemukakan tanpa Kenyataan Perkhidmatan dan Laporan Nilai Prestasi akan ditolak.
2. Tiap-tiap permohonan hendaklah disertakan dengan sekeping gambar berukuran Paspot, Salinan Kad Pengenalan, Surat Beranak, Ijazah, Diploma dan Sijil-sijil Persekolahan atau Dokumen / testimonial yang berkaitan.
3. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas tidak akan dilayan.
4. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
5. Pemohon yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah menganggap permohonannya tidak berjaya.

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN NEGERI  
KELANTAN  
BLOK 6, TINGKAT BAWAH  
KOTA DARULNAIM  
15503 KOTA BHARU.

Bertarikh : 03 Februari 2008.